

Pembelian panik cetus keadaan lebih buruk

Dr Muzaffar Syah Mallow



Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang - Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

semua pihak perlu memberi kerjasama untuk tidak melakukan sebarang pembelian panik ketika negara berdepan wabak coronavirus (COVID-19) dan susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan bermula semalam hingga 31 Mac ini.

ia dibuat mengikut peruntukan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 344). Pelbagai bentuk kawalan pergerakan yang ditentukan kerajaan dan penutupan premis termasuk sekolah dan institusi pengajian tinggi antara usaha membendung penularannya.

Memang menjadi fitrah manu-

sia untuk berasa gelisah apabila menghadapi keadaan tidak menentu dan di luar kawalan mereka. Namun, ia tidak boleh dijadikan justifikasi untuk menyebarkan khabar angin mengenai keadaan semasa apatah lagi yang tidak benar.

Tindakan itu menyebabkan seperti apa dilaporkan media apabila pengguna berpusing-pusing ke kedai dan pasar raya untuk membeli barang dalam kuantiti banyak dan di luar keperluan harian.

Jika keadaan panik tidak dibendung, nescaya ia boleh menyebabkan keadaan lebih buruk hingga boleh berlakunya tolak-menolak, salah faham, konflik dan persengketaan.

Pembelian panik juga boleh menyebabkan bekalan barangan keperluan asas, terutama makanan dan kebersihan diri kehabisan. Sekiranya bekalan barangan harian berkurangan dan habis, pengguna terutama mereka yang betul-betul memerlukan akan menjadi mangsa.

Ia juga boleh menyebabkan se-



Pengguna perlu bersikap tenang dalam mengharungi situasi terkini (Foto Asyraf Hamzah/BH)

setengah peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil peluang menaikkan harga barang. Malah, ia boleh menjerumuskan pengguna kepada pembaziran kerana barangan dibeli dalam jumlah banyak itu sebenarnya adalah di luar keperluan dan berkemungkinan akan habis ta-

rikh luput. Oleh itu, pengguna perlu bersikap tenang dalam mengharungi situasi semasa. Sikap tenang bukan sahaja dapat membantu diri individu itu sendiri, malah mengelakkan orang sekeliling turut terpengaruh dengan apa yang berlaku.

Bagi membendung pembelian panik ini daripada berterusan, pihak kerajaan boleh memberi pertimbangan untuk mengenakan sekatan kuantiti pembelian barangan keperluan asas di kedai dan pasar raya.

Dengan tujuan mengelakkan peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil peluang menaikkan harga barangan keperluan sesuka hati, tindakan tegas berdasarkan peruntukkan undang-undang seperti Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) perlu diambil dengan segera terhadap peniaga berkenaan.

Pihak berkuasa juga perlu melakukan langkah pencegahan bagi mengelakkan pihak tidak bertanggungjawab menyebarkan sebarang jenis fitnah ataupun berita palsu hingga boleh mencetuskan suasana pembelian secara panik itu. Antara peruntukan yang boleh digunakan ialah Akta Fitnah 1957 (Akta 286), Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).